

Kicau Veterinar


 @ veterinarmalaysia

 @ DVSMalaysia

 dvsmalaysia_official

www.dvs.gov.my

EDISI 10



ISI KANDUNGAN

- ms. 1 Jabatan Perkhidmatan Veterinar DVS
- ms. 2 Datuk Seri Dr Ronald Kiandee Mula Tugas Rasmi Sebagai Menteri MAFI
- ms. 4 Lawatan YB Timbalan Menteri ke DVS
- ms. 5 Fokus DVS Dalam Industri Tenusu Negara Menjelang 2023
- ms. 6 Fungsi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia DVS
- ms. 7 12 Hala Tuju Strategik Pedaging
- ms. 8 Hala Tuju Pusat Ternakan Haiwan (PTH) Tersat
- ms. 11 Hala Tuju Pusat Pembiakan Kambing Bebiru Gajah Mati
- ms. 14 Antibiotic Fun Run
- ms. 15 Kanak-kanak & Haiwan Peliharaan
- ms. 16 Skim Amalan Ladang Ternakan
- ms. 18 Sejarah Burung Walet di Malaysia
- ms. 20 Wabak Nipah Tahun 1998-2001
- ms. 23 Pelan Strategi Industri Ayam
- ms. 24 Penyakit Rabies (Anjing Gila)
- ms. 26 Wabak Rabies 2015
- ms. 28 Regional Seminar for OIE National Focal Points For Veterinary Products (6th Cycle)
- ms. 29 Lelaki Mengaku Bersalah Gantung Anjing di Klang
- ms. 30 Laga Ayam: Pesalah Teramai Dalam Sejarah Undang-Undang DVS
- ms. 31 Denda RM5,000.00 dan Lucut Hak 23 Ekor Lembu Akibat Pindah Lembu Tanpa Kebenaran
- ms. 32 Tetak Lembu Dengan Zalim: Lelaki Dipenjara Satu Tahun
- ms. 33 Wabak HPAI (H5N1) 2017
- ms. 34 Haiwan Kesayangan Kad Pengenalan (Passport Haiwan)
- ms. 36 Tanggungjawab Memiliki Haiwan
- ms. 37 Penyakit Hawar Berdarah

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DVS

VISI

Menjadi pihak berkuasa veterinar yang berwibawa, berkhidmat untuk industri haiwan demi kesejahteraan manusia



MISI

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mapan demi kesejahteraan manusia



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

Mula Tugas Rasmi

Sebagai Menteri MAFI

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee memulakan tugas rasminya di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 11 Mac 2020.

Ketibaan beliau juga disertai oleh dua orang timbalannya, Datuk Seri Hj Ahmad Hamzah dan Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi yang juga memulakan tugas rasmi mereka pada hari yang sama.

Mereka disambut oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MAFI, Dato' Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan MAFI, Dr. Anis Mahmud serta pegawai-pegawai kanan MAFI.

Sebaik tiba, beliau diserahkan kad perakam waktu untuk diimbas sebagai tanda memulakan tugas di kementerian itu dan diberikan taklimat oleh Dato' Haslina dan Dr. Anis.





LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KE DVS

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 20 April 2020.

Dalam lawatan kerja berkenaan, Ketua Pengarah DVS, Dato' Norlizan Mohd Noor telah memberikan taklimat mengenai struktur, fungsi dan lain-lain maklumat berkaitan DVS.



FOKUS DVS

DALAM INDUSTRI TENUSU NEGARA
MENJELANG 2023



FUNGSI

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

DVS

Masih ada segelintir masyarakat yang tidak pasti fungsi sebenar Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS). Masih ada yang beranggapan DVS itu hanya memfokuskan kepada penjagaan dan kebajikan haiwan. Namun, sebenarnya fungsi DVS adalah lebih daripada itu. Antara fungsi utama DVS adalah:

1. Mengawal, mencegah dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik.
2. Mengurus pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan.
3. Melaksana pemeriksaan daging, susu, telur makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan.
4. Melaksana pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil haiwan.
5. Menyediakan latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan.
6. Mengurus pengembangan pengeluaran ternakan dan kesihatan haiwan serta kesihatan awam veterinar.
7. Melaksana penyelidikan penyakit haiwan, dan sumber genetik haiwan.
8. Kawal selia kebajikan haiwan dan pemuliharaan bahan genetik haiwan

12

Hala Tuju Strategik

Pedaging



HALA TUJU PUSAT TERNAKAN HAIWAN (PTH) TERSAT

Oleh: Dr. Wan Aini Wan Mahamood (Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan)

Masakan boleh hati merasa cinta andai belum pernah bersua. Aduh, berbunga pula pembuka bicara artikel kali ni. Siapa pernah dengar PTH Tersat? Nak tahu tak di mana dan apa yang menariknya mengenai tempat ini? Okey, mari saya ceritakan serba sedikit mengenainya. Pusat Ternakan Haiwan atau mudah dikenali sebagai PTH Tersat, terletak di negeri yang terkenal dengan Keropok Losong dan Sata iaitu 40km dari Kuala Terengganu. Ia merupakan salah satu daripada 9 ladang yang ditadbir di bawah pimpinan Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya. Ianya mula dibuka pada tahun 1973 oleh MAJUTERNAK dengan nama Rancangan Daging Tersat dan diambil alih oleh JPV pada 1982 dan ditukarkan nama kepada Pusat Ternakan Haiwan Tersat.

PTH Tersat terletak di atas dua lot tanah iaitu PTG 1176 (386.523 ha) dan PTG 1469 (1549.78 ha) dengan keluasan sebanyak 1936.123 hektar. Berikut merupakan maklumat asas PTH Tersat sehingga Ogos 2020.

Keluasan Ladang	1936.123	Hektar
Keluasan Pastura	514.096	Hektar
Keluasan Pastura Aktif	376.254	Hektar
Jumlah Stok Awal Tahun 2020	893	Ekor
Jumlah Stok Sehingga Ogos 2020	995	Ekor
Jumlah Bibit	446	Ekor
Jumlah Penjantan	31	Ekor
Baka Ternakan		
Kedah Kelantan	504	Ekor
Yellow Cattle	9	Ekor
YCKK	482	Ekor

Apa yang menjadi kekuatan pada PTH Tersat adalah pada visinya iaitu menjadi sebuah ladang nukleus yang terunggul dalam pengeluaran dan penghasilan baka indigenous (asli) iaitu Kedah-Kelantan (KK). Ia tercatat di dalam First Report on the State of the World's Animal Genetic Resources bertajuk Animal Genetic Resources in Malaysia yang dilaporkan oleh DVS kepada Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) pada 2013.

Manakala misinya pula adalah untuk menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mampan demi kesejahteraan manusia.

-   Menguruskan pembangunan Pusat Ternakan Haiwan Tersat sebagai model ladang nukleus baka Kedah-Kelantan (KK) yang berimpak tinggi;
-   Menyelaras pengeluaran baka Kedah-Kelantan (KK) bernilai biak tinggi;
-   Menilai dan menambahbaik pelbagai teknologi dan sistem pengeluaran ternakan;
-   Memberikan khidmat kepakaran teknikal, bimbingan dan latihan dalam pengurusan ternakan;
-   Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang kajiselidik gunaan.

Bagi mencapai fungsi tersebut, beberapa strategi telah dan sedang diambil seperti di bawah:

FUNGSI 1 : MENGURUSKAN PEMBANGUNAN PUSAT TERNAKAN HAIWAN TERSAT SEBAGAI MODEL LADANG NUKLEUS BAKA KEDAH-KELANTAN (KK) YANG BERIMPAK TINGGI

- | | | | |
|---|--|--|---|
|  Memastikan pengeluaran baka Kedah-Kelantan (kk) yang berkualiti kepada ladang pengguna pengguna |  Menambahbaik infrastruktur dan fasiliti ladang |  Menambahbaik sumber bekalan makanan yang berkualiti untuk ternakan |  Memperkuatkannya biosekuuriti dan kawalan penyakit bagi menjamin keselamatan & kesihatan ternakan |
|---|--|--|---|

FUNGSI 2 : MENYELARAS PENGETAHUAN BAKA KEDAH-KELANTAN BERNILAI BIAK TINGGI

- | | | |
|---|--|--|
|  Memastikan baka Kedah-Kelantan yang berkualiti dibangunkan, dibiak dan dibekalkan kepada penternak dan ladang pengganda |  Menambahbaik mutu genetik ternakan |  Memastikan ternakan bebas daripada penyakit berjangkit seperti Brucellosis & FMD |
|---|--|--|

FUNGSI 3 : MENILAI DAN MENAMBAHBAIK PELBAGAI TEKNOLOGI DAN SISTEM PENGETAHUAN TERNAKAN

Menambahbaik sistem daya jejak dan pengendalian ternakan



Meningkatkan kemahiran kakitangan



FUNGSI 4 : MEMBERIKAN KHIDMAT KEPAKARAN TEKNIKAL, BIMBINGAN DAN LATIHAN DALAM PENGURUSAN TERNAKAN



Memberikan bimbingan dan latihan kepada pelajar latihan industri dalam pengurusan ternakan.



Memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada penternak dalam bidang pengurusan ternakan.

FUNGSI 5 : MENJALINKAN KERJASAMA DENGAN PELBAGAI PIHAK DALAM BIDANG KAJISELIDIK GUNAAN.



Menjalinkan hubungan baik dengan penyelidik.

Setelah meneliti 5 Fungsi, 13 Strategi dan 42 Aktiviti yang dibangunkan ini dapatlah disimpulkan bahawa peranan Jabatan Perkhidmatan Veterinar khususnya PTH Tersat ini amat komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Negara umumnya dan kepada masyarakat khususnya. Ia dapat dibuktikan apabila melihat kepada pencapaian yang telah diraih oleh PTH Tersat ketika ini dalam perbandingan 3 tahun kebelakang seperti di bawah:

Parameter	Pencapaian 2017	Pencapaian 2018	Pencapaian 2019	Pencapaian 2020 (sehingga Ogos)
Jumlah Pejantan	20	21	24	31
Jumlah Ibu Pembiak	493	424	377	446
% Kelahiran	58.4	60.1	73.26	49.31
Jumlah Kelahiran	348	281	287	205
% Kematian Dewasa	9.77	11.2	2.16	2.02
Jumlah Kematian	161	145	26	18
% Kematian Anak	9.5	6.7	5.5	6.20
Jumlah Kematian	51	24	19	21
% Kematian Kumpulan	12.9	13.1	3.73	3.08
Jumlah Kematian	212	169	45	39
Pengeluaran Ternakan	452	185	285	199



HALA TUJU PUSAT PEMBIAKAN KAMBING BEBIRI GAJAH MATI

Mungkin ramai masih belum mengetahui bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memiliki 10 ladang-ladang ternakannya sendiri di beberapa negeri sekitar Semenanjung Malaysia. Salah satunya adalah Pusat Pembiakan Kambing Bebiri Gajah Mati (PPKBGM) yang terletak di Daerah Kuala Nerang, Kedah. Ia ditadbir di bawah pimpinan Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

Pada asalnya PPKBGM ini merupakan Pusat Pembiakan Ayam (PPA) yang terletak di Daerah Pokok Sena, Kedah namun telah dipindahkan secara berperingkat dan dibangunkan pada tahun 2003.

Pada Januari 2004, pengoperasian ladang dijalankan sepenuhnya di Ladang Kubang Kenyeng, Kuala Nerang, Kedah. Sekitar tahun 2007 sehingga 2010, Kementerian Pertanian dan Industri


Makanan pada ketika itu telah menetapkan satu dasar baharu iaitu konsep baharu “Satu Ladang, Satu Baka”. Maka ternakan kambing Boer yang terdapat di ladang tersebut memfokuskan kepada ternakan bebiri Damara. Sehingga kini, PPKBGM memiliki 892 ekor ternakan.

PPKBGM atau nama lainnya Ladang Kubang Kenyeng mempunyai keluasan sebanyak 317.78 ekar dan 22% daripadanya merupakan kawasan pastura (70.3 ekar). Pada tahun 1996, ladang telah menerima Baka Bebiri Santa Ines yang diimport daripada Brazil. Baka ini sangat terkenal sebagai baka rerambut dan produktif dibesarkan untuk dagingnya. Namun, selepas peralihan operasi ke Ladang Kubang Kenyeng baka bebiri Damara dipilih kerana mempunyai tolerensi yang lebih tinggi terhadap parasit dan kebanyakan penyakit bebiri. Baka ini sesuai digunakan dalam industri pedaging. Pemakanannya juga lebih mudah kerana dietnya beragam.

Apa yang menjadi kekuatan pada PPKBGM adalah pada visinya iaitu menjadi sebuah ladang nukleus yang terunggul dalam pengeluaran bebiri baka Damara. Manakala misinya adalah untuk meningkatkan kualiti genetik bebiri Damara, memberi perkhidmatan pakar rujuk untuk ladang pengganda dan berprofesionalisme tinggi. Antara fungsi dan sumbangaan PPKBGM kepada masyarakat adalah:-

- ❖ **Menguruskan pembangunan ladang-ladang jabatan sebagai model ladang nukleus dan berimpak tinggi;**
- ❖ **Menyelaraskan pengeluaran baka ternakan bernilai biak tinggi;**
- ❖ **Menilai dan menambahbaik pelbagai teknologi dan sistem pengeluaran ternakan;**
- ❖ **Memberikan khidmat kepakaran teknikal, bimbingan dan latihan dalam pengurusan ternakan; dan**
- ❖ **Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang kajiselidik gunaan.**

Bagi mencapai fungsi tersebut, beberapa strategi telah dan sedang diambil seperti



FUNGSI 1: Menguruskan pembangunan ladang-ladang jabatan sebagai model ladang nukleus yang berimpak tinggi

Strategi 1	Strategi 2	Strategi 3	Strategi 4
BAKA	LADANG	MAKANAN	BIOSEKURITI
Memastikan pengeluaran ternakan baka Damara adalah berkualiti dan terbaik kepada ladang pengganda dan penternak	Menaiktaraf infrastruktur ladang	Menambahbaikkan punca bekalan makanan yang berkualiti dan terbaik untuk ternakan	Memperkuatkan biosecuriti ladang bagi menjamin keselamatan ladang dan kesihatan ternakan





Setelah meneliti **7 Halatuju, 15 Strategi dan 51 Aktiviti** yang dibangunkan ini dapatlah disimpulkan bahawa peranan Jabatan Perkhidmatan Veterinar khususnya PPKBGM ini amat komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Negara umumnya dan kepada masyarakat khususnya. Semoga PPKBGM terus maju jaya!

Nukilan oleh:
Dr. Wan Aini

Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan

ANTIBIOTIC FUN RUN

Antibiotik Fun Run anjuran bersama Kementerian Kesihatan Malaysia telah berlangsung pada 19 Januari 2020 bertempat di Dewan G2G MAEPS, Serdang, Selangor bertemakan “Unnecessary Use Cause Harm”.

Seramai 1000 peserta telah dilepaskan menerusi upacara *flag off* yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB. Dato’ Seri Salahuddin Ayub dan Menteri Kesihatan Malaysia, YB. Dr. Dzulkefly Ahmad pada jam 7.30 pagi.

Antibiotik Fun Run ini diadakan setiap tahun bagi mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap penggunaan antibiotik dan juga mengenai *Antimicrobial Resistance* (AMR).

AMR merupakan ancaman kesihatan global yang semakin membimbangkan kerana ia bukan sahaja mengancam kesihatan haiwan dan manusia, tetapi juga secara memberi impak kepada ekonomi negara.

Di dalam kesihatan haiwan, penggunaan antibiotik dengan bertanggungjawab dan berhemah adalah sangat penting bukan sahaja untuk kesihatan haiwan, malah lebih penting kepada kesihatan manusia yang merupakan modal insan bagi pembangunan sesebuah negara.

Antara aktiviti yang turut diadakan pada hari tersebut ialah zumba, pertandingan mewarna, cabutan bertuah dan pameran oleh beberapa agensi luar.

Turut hadir ke program tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



KANAK - KANAK & HAIWAN PELIHARAAN

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kanak-kanak terutama yang berumur lima hingga lapan tahun yang memelihara haiwan peliharaan di rumah memiliki sistem imunisasi yang lebih kuat dan mampu melawan penyakit.



1. Memperkenalkan anak kepada haiwan peliharaan yang dimiliki serta nama haiwan tersebut.
2. Membacakan cerita serta memperkenalkan anak mengenai dunia haiwan seperti yang terdapat di dalam rancangan TV.
3. Ajar anak memegang haiwan peliharaan dengan betul.
4. Memberitahu anak bahawa memukul, menjerit, menarik secara kasar dan menyakiti haiwan peliharaan adalah satu perbuatan yang salah.
5. Membawa anak untuk melihat sendiri haiwan peliharaan di zoo, kedai haiwan dan sebagainya.
6. Sentiasa mendidik dan mengingatkan anak bahawa haiwan peliharaan perlulah dijaga dengan komitmen yang tinggi.
7. Sekiranya memiliki haiwan peliharaan di rumah, sentiasa mengajak anak untuk membantu tugas menguruskan haiwan tersebut seperti memberi makan, membersihkan tempat tidur, memandikan dan lain-lain. Ini juga secara tidak langsung dapat membina hubungan yang baik di antara anak dan haiwan peliharaan tersebut.
8. Menjelaskan kepada anak mengenai perlakuan haiwan peliharaan.
9. Jangan sesekali membiarkan anak menyentuh haiwan yang bukan di bawah jagaan kita atau membiarkan anak bersendirian dengan haiwan tanpa pengawasan orang dewasa.



SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN

Pengenalan

Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) berlandaskan kepada ternakan yang sihat dan diuruskan dengan amalan yang baik penghasilan ternakan yang berkualiti dan selamat untuk dimakan. Skim ini mula diperkenalkan pada tahun 2003. Perlaksanaan SALT berpandukan garis panduan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) MS2027:2006 dan siri GAHP 109.

Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan SALT adalah berasaskan kepada Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP), program pengurusan kesihatan ternakan, program biosecuriti, program sanitari dan fitosanitasi serta program kawalan pencemaran alam sekitar. SALT dilaksanakan sebagai usaha untuk mewujudkan piawaian amalan sanitari ladang ternakan yang bertaraf antarabangsa. Skim SALT meliputi semua jenis ternakan termasuk lembu pedaging, ayam penelur, ayam baka, burung walet, kambing, bebiri dan khinzir.

Kriteria SKIM

1. Amalan Penternakan Yang Baik (*Good Animal Husbandary Practices – GAHP*)

Pengurusan digalakkan mengamalkan kaedah penternakan yang baik seperti memberikan makanan yang sesuai, air bersih dan menjaga tahap kebersihan yang tinggi.

2. Program Kesihatan Ternakan

Program ini memastikan ternakan bebas daripada penyakit.

3. Program Biosekuriti

Pengusaha ladang perlu mewujudkan program biosekuriti untuk mencegah kemasukan membawa agen penyakit ke dalam ladang. Contohnya ladang hendaklah mempunyai pagar dan kawalan terhadap pekerja dan pelawat ladang.

4. Infrastruktur

Pengusaha perlu menyediakan bangunan dan kemudahan yang sesuai, selamat dan selesa.

5. Penggunaan Ubat-Ubatan

Penggunaan ubat-ubatan mestilah terkawal dan tidak berlebihan.

6. Program Kawalan Pencemaran Alam Sekitar

Pengusaha ladang perlu memastikan langkah-langkah diambil untuk memastikan aktiviti-aktiviti penternakan tidak mencemar alam sekitar iaitu air, tanah dan udara.

7. Sistem Dayajejak

Sistem dayajejak haiwan dapat dijalankan dengan menggunakan pengenalan haiwan yang didaftar di ladang/premis walit yang mempunyai SALT amat berkesan semasa pemindahan ternakan dan pengeksportan produk ternakan.

Kriteria SKIM

1. Ladang ternakan mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).
2. Pengiktirafan yang diterima menjadi petunjuk kepada tahap pengurusan dan sistem penternakan berkualiti yang diamalkan.
3. Ternakan dan hasil keluaran ladang diperakui selamat, berkualiti dan bebas daripada penyakit.
4. Ternakan dan hasil keluaran ladang diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi pemasaran dan peluang pasaran untuk tempatan dan luar negara.
5. Proses permohonan dan kelulusan dokumen esport (permit dan Sijil Kesihatan Veterinari) adalah lebih mudah dan cepat.
6. Ladang yang mempunyai SALT mempunyai kelebihan untuk mengeksport.
7. Buat masa ini, tiada sebarang bayaran dikenakan ke atas perkhidmatan berkenaan.

Faedah SALT kepada masyarakat

1. Pengamal sistem penternakan yang baik dapat membantu pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat.
2. Hasil ladang yang dikeluarkan lebih terjamin kepada pengguna di mana kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi.
3. Pengalaman sistem yang baik memberi sumbangan yang ketara ke arah pencapaian taraf bebas penyakit serta peningkatan bebas penyakit serta peningkatan kualiti ternakan dan kesihatan awam.




SEJARAH BURUNG WALET DI MALAYSIA

Burung Walet (*Edible Bird's Nest-EBN*)

Terdapat hanya dua spesis Burung Walet yang sarangnya boleh dimakan iaitu *Aerodramus Fuciphagus* (Sarang putih) dan *Aerodramus Maximus* (Sarang hitam). Spesis ini banyak ditemui di negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia.

Sarang Burung Walet adalah sejenis makanan berkhasiat yang popular sejak berzaman lamanya, terutama dalam kalangan kaum Cina.



Santapan Di Raja (*The Royal Platter*)

Pengambilan sarang burung walet bermula sejak zaman Dinasti Tang (AD.618-907) untuk kesihatan dan awet muda.

Di Malaysia, penuaian sarang burung ini bermula di Gua Niah, Sarawak pada tahun 1878. Sejak kebelakangan ini, penuaian sarang burung telah menjadi satu industri perladangan yang diusahakan secara besar-besaran di samping memberikan pulangan yang menguntungkan.

Perbezaan Burung Walet dan Burung Layang-Layang

Kategori	Burung Walet	Burung Layang-Layang
Order	Apodiformes (tangkas terbang di udara)	Passeriformes (kaki mencengkam)
Famili	Apodidae	Hirudinidae
Bilangan Spesis	07	74
Habitat	Selalu balik ke sarang	Kebanyakan berhijrah
Komponen Sarang	Rembesan liur	Membuat sarang daripada daun, ranting dan tanah



WABAK NIPAH TAHUN 1998-2001

Nipah Virus (NV) adalah penyakit baru (*emerging zoonotic*) berlaku di Malaysia yang menyebabkan kematian kepada manusia dan haiwan. Pada mulanya di salah anggap sebagai penyakit *Japanese Encephalitis*.



Wabak Nipah mula berlaku di Negeri Perak 1998 dan bergerak ke Port Dickson



Kejadian pada manusia
(1998-2001)
Kes keradangan otak : 265
Kematian: 105



Kelawar yang makan buah adalah perumah bagi Virus tersebut.



Tindakan kawalan :

- Mengawal pergerakan keluar masuk ke kawasan wabak.
- Memusnahkan babi sekitar 1km dari kawasan terjangkit.
- Kuarantin mereka yang ada 'direct contact' dengan babi.
- Melakukan pengawasan.
- Membersihkan ladang dan kawasan terjangkitan dengan disinfeksi sesuai.
- Memberi pampasan kepada penternak terbabit.



Agensi terlibat :

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Kesihatan
- Jabatan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- PDRM
- Tentera



Rawatan

- 'Supportive treatment'
- Tiada rawatan.



Tanda Jangkitan pada babi

- Jangkitan yang tinggi (100%) tetapi kadar kematian yang rendah (<5%)
- Demam yang akut, sukar bernafas, hingus yang berdarah, gangguan saraf, keguguran dan kematian.
- Pada anak babi jangkitan teruk, batuk yang teruk, bernafas melalui mulut, gangguan saraf dengan kadar kematian yang lebih tinggi (menggeletar, menggigil, kejang otot, myoclonus, kelemahan kaki belakang, paresis spastik, kepincangan, inkoordinasi, dan kesakitan pada bahagian belakang badan).



Kerugian industri babi Malaysia (1998-2001)


- Populasi babi berkurang dari 2.4 juta ke 1.32 juta
- Ladang babi berkurang dari 1885 kepada 829.



Bebas wabak Nipah

- Malaysia isytihar bebas wabak Nipah pada 1 Jun 2001





What is Nipah virus?

TOI

NIPAH VIRUS (NiV) INFECTION IS A NEWLY EMERGING ZOONOSIS THAT CAUSES SEVERE DISEASE IN BOTH ANIMALS AND HUMANS



NiV first identified in 1998 during an outbreak in Malaysia



Fruit bats are natural hosts of NiV

PREVIOUS OUTBREAKS IN INDIA

Jan-Feb, 2001 Siliguri (WB)

Cases: 66

Deaths: 45

68%

April, 2007 Nadia (WB)


Cases: 5

Fatality rate

100%


Deaths: 5

HOW IT IS TRANSMITTED



SYMPTOMS

- Fever
- Headache
- Drowsiness
- Disorientation
- Mental confusion
- Coma
- Potentially death



After exposure and incubation period of 5-14 days, illness presents with 3-14 of fever and headache followed by other symptoms


TREATMENT

No specific treatment for Nipah Virus

Primary treatment is intensive supportive care

Source: WHO & Centers for Disease Control and Prevention, US

PELAN STRATEGI INDUSTRI AYAM

- 
- The poster features two images of chickens: a large brown hen on the right side and a small white chick on the left side, both set against a dark background.
- 1** Menyediakan kawasan alternatif bagi Zon Pengeluaran Ayam Kekal yang sesuai.
 - 2** Menyediakan piawaian amalan penternakan ayam dan undang-undang di peringkat negeri.
 - 3** Mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam pengurusan sumber manusia.
 - 4** Insentif pelaburan.
 - 5** Mengoptimumkan penggunaan tanah yang sedia ada dengan teknologi moden dan automasi.
 - 6** Penyelidikan dan Pembangunan.
 - 7** Memperkuatkan Program Kawalan Penyakit.
 - 8** Keselamatan Makanan Haiwan.
 - 9** Kaedah/ peraturan untuk premis rumah sembelih unggas
 - 10** Mewujudkan stok penampang.
 - 11** Mengukuhkan sistem jaminan, keselamatan makanan dan status halal.
 - 12** Insentif-insentif yang lain.
 - 13** Konsep pengasingan kawasan (*Compartmentalisation*).
 - 14** Memperkuatkan kualiti dan jaminan status halal menerusi rangkaian yang berterusan.
 - 15** Pengukuhan sistem pengesanan.

PENYAKIT

RABIES

(ANJING GILA)

Apa itu Rabies?

Rabies adalah jangkitan virus akut yang disebabkan oleh sejenis *rhabdovirus* dari jenis *Lyssavirus* yang boleh menyebabkan komplikasi sesak nafas hingga menyebabkan kematian. Rabies terdapat dalam haiwan di kebanyakan negara di seluruh dunia dan kebanyakannya kes jangkitan manusia berlaku di negara-negara membangun.

Cara Jangkitan

Virus rabies terdapat dalam air liur haiwan dan boleh berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit dari air liur, cairan atau tisu tubuh dari haiwan tersebut kepada manusia.

Tanda Jangkitan

Masa inkubasi rabies adalah 3 minggu hingga 2 bulan dari gigitan haiwan rabid hingga timbul gejala. Individu yang dijangkiti rabies akan mengalami tanda klinikal seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia, lumpuh dan koma. Ia juga boleh menyebabkan radang (inflamasi) pada otak dan korda spina (*encefalomyelitis*)

Tanda-tanda awal lain selepas gigitan adalah termasuk rasa bimbang, lesu dan perubahan deria di sekitar tempat gigitan. Sesetengah pesakit berasa gerun atau bencikan air (hidrofobia) disebabkan kekejangan otot kerongkong yang sakit ketika menelan. Pada peringkat seterusnya, pesakit menjadi celaru, mengalami sawan sehingga boleh membawa maut.

Jenis rabies yang dinamakan *paralytic rabies* (sawan lumpuh) mempunyai tanda dan gejala seperti kehilangan deria, lemah badan, badan berasa sakit, dan lumpuh.

CEGAH RABIES!

ELAKKAN DARI DIGIT ANJING

- 99% jangkitan Rabies berpuncak dari gigitan anjing
- 40% dari kes Rabies merupakan kanak-kanak
- Kanak-kanak lebih kerap di gigit kerana mereka tidak tahu mengenal pasti bahasa tubuh dan emosi anjing



KETAHUI BAHASA TUBUH & EMOSI ANJING

Public Health Malaysia

Langkah-Langkah Penjagaan:

Meskipun kes Rabies berkurangan pada waktu ini, namun langkah berjaga-jaga perlu sentiasa diambil. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menasihati orang awam yang tinggal kawasan yang terdedah dengan risiko agar mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut bagi mengelakkan dari dijangkiti penyakit rabies:

- 1 Dapatkan rawatan segera ke klinik kesihatan atau hospital terdekat jika mengalami gigitan anjing peliharaan yang agresif atau anjing liar;
- 2 Pastikan anjing peliharaan telah mendapatkan suntikan anti-rabies di klinik haiwan terdekat dan elakkan kontak bersama anjing liar;

- 3.** Jika anjing peliharaan didapati tidak sihat atau agresif dapatkan rawatan di klinik haiwan dan laporan ke Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar setempat;
- 4.** Laporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan jika terdapat anjing liar yang berkeliaran di kawasan tempat tinggal.
- 5.** Sentiasa mengelakkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun selepas kontak dengan anjing peliharaan.

KKM juga telah mengingatkan daerah-daerah lain yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia supaya meningkatkan pemantauan kes gigitan anjing di daerah masing-masing. KKM akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi lain yang berkaitan bagi memastikan jangkitan virus rabies di kalangan manusia dapat dikawal dan tiada penularan lanjut berlaku.

Di kawasan yang biasa terdapat jangkitan rabies (kawasan endemik), pelawat berisiko mendapat jangkitan jika berhubung kait dengan haiwan liar atau haiwan peliharaan termasuk anjing dan kucing.

Panduan Rawatan Kecemasan Rabies

Namun apabila berlakunya sebarang kejadian gigitan haiwan terutamanya anjing:-

- 1.** Bawa bertenang dan pastikan anda dan orang yang digigit berada di kawasan yang selamat.
- 2.** Gunakan sarung tangan getah sebelum anda memeriksa kawasan luka.
- 3.** Jika tiada pendarahan yang serius, basuh luka dengan air dan sabun di bawah air mengalir selama 3 hingga 5 minit.
- 4.** Tutup luka dengan krim antibiotik dan pelapik yang bersih dan kering.
- 5.** Jika pendarahan adalah serius, tekap dan tekan kawasan luka dengan kain bersih dan kering.
- 6.** Tinggikan kedudukan tempat luka.
- 7.** Pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera dan laporkan kejadian kepada Pejabat Veterinar yang berdekatan.

Perlu diingat, kes gigitan haiwan adalah serius apabila:-

- 1.** Haiwan yang menggigit adalah liar dan tidak diketahui pemiliknya.
- 2.** Orang yang digigit tidak mendapat suntikan tetanus dalam 5 tahun kebelakangan ini.
- 3.** Terdapatnya bengkak, kemerahan, atau nanah mengalir dari luka.
- 4.** Gigitan adalah di kepala, tengkuk atau tangan.
- 5.** Gigitan dalam dan lebar.
- 6.** Tidak pasti jika luka gigitan itu memerlukan jahitan.



Rawatan Awal

Rawatan selepas terkena gigitan bertujuan untuk mengelakkan jangkitan rabies. Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja. Selepas itu, sapukan etanol (70%) atau tinktur atau larutan iodin akueus atau iodin povidon.



Rawatan Khusus

Antirabies Imunoglobulin (RIG) disapukan pada tempat luka dan tisu di sekitarnya. Beberapa dos vaksin disuntik ke dalam kulit atau ke dalam otot (bergantung kepada jenis vaksin yang digunakan). Dos pertama mesti diberikan seawal mungkin selepas terkena gigitan dan dos terakhir dalam tempoh 28 hari sekiranya disuntik ke dalam otot atau 90 hari sekiranya disuntik ke dalam kulit.

WABAK RABIES

2 0 1 5

Sejarah wabak Rabies di Malaysia

- Kes terakhir 1999.
- Mendapat status bebas penyakit rabies dari OIE pada Julai 2013.
- Pada 27 Julai 2015 satu kes positif rabies dikesan di Kaki Bukit Perlis. (permulaan wabak Rabies 2015)
- 8 September 2015 DVS Pulau Pinang melaporkan kejadian gigitan anjing (positif rabies) pada 3 ekor rusa di Seberai Perai Utara.
- Pada 9 September 2015 DVS Kedah pula melaporkan kes kejadian gigitan anjing (positif Rabies) di Kubang Pasu, Kedah.
- Tiada kes dalam kalangan manusia di laporkan.

Tanda klinikal jangkitan pada haiwan

- Perlakuan sama ada agresif (menyerang objek yang bergerak seperti manusia dan haiwan) atau monyok.
- Lumpuh dan berakhir dengan kematian.

Bil	Perkara sehingga 18 Disember 2015	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Jumlah
1	Anjing yang divaksin	1,838	6,600	3,629	12,067
2	Anjing yang di lesen	1,838	6,600	1,530	9,968
3	Anjing yang tunjuk tanda klinikal	49	0	1	50
4	Pemilik anjing	804	0	1	805
5	Premis dibanci	885	3,752	1,772	6,409


Rabies (penyakit anjing gila) adalah sejenis penyakit zoonotic bawaan virus Lyssa dari family Rhabdoviridae. Virus ini menjangkiti mamalia termasuk manusia melalui air liur gigitan haiwan yang terjangkit.

Tindakan kawalan :

- Kempen kesedaran dengan mengalakkkan pemilik mengurung haiwan mereka di dalam rumah.
- Meningkatkan imuniti haiwan peliharaan terutama anjing dengan aktiviti pemvaksinan.
- Mengawal populasi anjing-anjing liar.
- Menjalankan pemantauan di seluruh negeri terutama bagi kes-kes gigitan.

Pengistiharan Negara pulih Rabies

- Tiada pengesanan baru penyakit selama 42 hari (tiga kali jangka masa inkubasi sudah dicapai) sejak pembasmian kuman terakhir dibuat pada 21 September 2015.
- Malaysia isytihar pulih wabak Rabies pada 3 Nov 2015.





Taklimat berkaitan wabak



Kempen Kesedaran Penyakit Rabies di sekolah



Kempen Kesedaran Penyakit Rabies di sekolah



Kempen Kesedaran Penyakit Rabies di tempat awam



Program Survelan (Bancian) Penyakit Rabies di tempat awam

JPV mengambil langkah awal bagi mengelak penularan wabak rabies

50,000 dos vaksin anjing gila dibeli

Oleh FATHY AZRI BOSEJ, S.P., M.V.Sc., DVM, MRCVS
KUALA LUMPUR - Anjing gila yang dikenali sebagai "Gila" atau "Crazy dog" dalam bahasa Inggeris, merupakan ancaman serius bagi kesihatan manusia dan keseimbangan ekosistem. Pada tahun 1998, Terengganu menjadi negeri pertama yang melarang pemburuan anjing gila. Selain itu, pada tahun 2000, Sabah turut melarang pemburuan anjing gila.

Kempen berjaya memperoleh sokongan kerajaan untuk melancarkan bantuan program Bank Vaksin untuk mengurangkan populasi anjing gila di tempat awam. Program ini berjaya mengurangkan jumlah anjing gila di tempat awam.

Sejak 17 September lalu, seramai 50 orang peniaga telah mula menjual vaksin anti-rabies kepada pelawat tempat awam seperti pantai, taman dan bukit. Vaksin ini melindungi manusia daripada infeksi virus rabies yang berasal dari anjing gila.

Hari semasa mula dilancarkan program ini adalah Minggu Pertama Kemerdekaan Negara. Kementerian Kesihatan (KKM) mengatakan, sejak dilancarkan pada minggu pertama Kemerdekaan, hampir 100% pelawat tempat awam yang mendapat vaksin anti-rabies.

Selain itu, kerajaan juga memberikan sumbangan sebanyak RM100,000 untuk mendanai program ini. Dengan jumlah vaksin yang dibeli, ia dijangka akan mencukupi keperluan negara selama dua tahun.

Kes manusia digitit anjing meningkat

KUALA LUMPUR - Kes giggit anjing meningkat secara drastik dalam tempoh lima tahun terakhir. Jumlah kes giggit anjing gila (cremlin) di Kuala Lumpur meningkat 100% sejak 2000.

Menurut kerajaan, jumlah kes giggit anjing gila di Kuala Lumpur pada tahun 2000 ialah 100, tetapi pada tahun 2005, ia meningkat kepada 221. Jumlah kes giggit anjing gila di negeri Selangor meningkat 27% dalam tempoh lima tahun terakhir, dari 1,240 kes pada tahun 2000 kepada 1,610 kes pada tahun 2005.

Penyakit rabies boleh menyebabkan kematian manusia jika ia tidak ditangani dengan segera. Peratusan 100 peratus pasien yang disahkan mengidap rabies akan mati.

Untuk mengelakkan penularan rabies, kerajaan menggalakkan vaksinasi anjing. Individu atau matanya yang digigit oleh anjing gila boleh mengembangkan penyakit rabies.

Penyakit ini juga boleh menyebabkan kematian manusia jika ia tidak ditangani dengan segera. Peratusan 100 peratus pasien yang disahkan mengidap rabies akan mati.

Vaksin rabies boleh diperolehi di kedai farmasi atau di klinik kesihatan tempatan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

REGIONAL SEMINAR FOR **OIE NATIONAL FOCAL POINTS FOR** VETERINARY PRODUCTS (6TH CYCLE)



Regional Seminar For Oie National Focal Points For Veterinary Products (6th Cycle) telah diadakan pada 14 hingga 16 Januari 2020 bertempat di Hotel Double Tree, Kuala Lumpur.

Program tersebut disempurnakan oleh Hirofumi Kugita- *OIE Regional Representative* (OIE RR/AP), Ronello C Abila- *OIE Regional Representative* (OIE SRR SEA), Elisabeth Erlacher-Vindel- *OIE AMR and Veterinary Products Department*, bersama Ketua Pengarah DVS, YBhg Dato' Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam dan lain-lain.

Program yang dihadiri seramai 32 *OIE Subject Matter Focal Points on Veterinary Products* (FPVP), dari seluruh Asia Pasifik ini membincangkan aspek-aspek kualiti ubat-ubatan veterinar dalam pasaran veterinar dan menyemak semula cadangan Persidangan Global OIE ke-2 mengenai isu berkaitan antibiotik dan penggunaan antibiotik secara bijaksana dalam haiwan.

Program tersebut juga memberikan pengetahuan tentang hak, komitmen, dan tanggungjawab pihak berkuasa veterinar di negara masing-masing dalam proses penetapan *standard* dan pematuhan negara mereka dengan piawaian antarabangsa OIE.

Selain itu, pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu utama seperti kerintangan antibiotik (AMR) termasuk Pelan Tindakan Global, penggunaan antibiotik, strategi OIE mengenai AMR, kualiti produk veterinar termasuk cabaran ubat palsu, penyelarasan sistem peraturan untuk pendaftaran produk veterinar turut dibincangkan di dalam program berkenaan.



LELAKI MENGAKU BERSALAH GANTUNG ANJING DI KLANG



Penganiayaan terhadap haiwan yang terus berlaku di negara ini menunjukkan kurangnya kesedaran masyarakat di dalam hal yang berkaitan kebijakan terhadap haiwan.

Ini termasuk, satu kejadian menggantung anjing oleh seorang lelaki pada 6 Mei 2020 lebih kurang jam 9.45 pagi di di tepi jalan besar Klang-Banting, Selangor.

Tertuduh yang berumur 35 tahun telah dihadapkan ke Mahkamah Seksyen 2, Sepang, Selangor pada 13 Mei 2020 di bawah Seksyen 29 (1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu menyebabkan penderitaan terhadap seekor anjing. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Penguatkuasa Veterinar Selangor, Roslan Mohd Isa.

Tertuduh mengaku bersalah di atas pertuduhan tersebut dan telah dijatuhkan denda sebanyak RM40,000. Walau bagaimanapun, tertuduh gagal untuk membayar denda dan telah dihantar ke penjara Kajang, Selangor untuk menjalani hukuman penjara selama satu tahun.

Seekor anjing yang merupakan barang kes di dalam kes ini telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi rawatan dan tindakan selanjutnya.

LAGA AYAM: PESALAH TERAMAI DALAM SEJARAH UNDANG-UNDANG DVS



Kes laga ayam yang berlaku pada 3 Julai 2020 di Kemaman, Terengganu merupakan kes yang melibatkan Orang Kena Tuduh (OKT) teramai dalam sejarah Undang-Undang Jabatan Perkhidmatan Veterinar iaitu seramai 26 orang warga tempatan dan dua warga asing.

Kejadian berlaku lebih kurang jam 12 tengah hari di sebuah pondok bertempat di Jalan Ibok, Ayer Putih. Dalam kejadian tersebut, sebanyak empat ekor ayam telah dirampas sebagai barang kes.

Kesemua OKT didakwa di Mahkamah Sesyen Kemaman pada 9 Julai 2020 dan mengaku bersalah. Masing-masing dikenakan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 atau sekiranya gagal, akan dikenakan lima bulan penjara.

Seramai 21 OKT membayar denda manakala tujuh lagi telah dihantar ke Penjara Marang, Terengganu untuk menjalani hukuman penjara kerana gagal membayar denda. Barang kes yang merupakan empat ekor ayam di serahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar .

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Penguatkuasa Veterinar Terengganu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar iaitu Mohd Shahihan bin Mohd Tahir.

Kesalahan melibatkan Seksyen 32(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] iaitu melakukan pelagaan ayam dan Seksyen 32 (2)(a) iaitu hadir dalam sesuatu aktiviti pelagaan haiwan. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

DENDA RM5,000.00 DAN LUCUT HAK 23 EKOR LEMBU AKIBAT PINDAH LEMBU TANPA KEBENARAN

Satu kejadian pindah lembu tanpa kebenaran berjaya dihalang pada 5 Mac 2020 lebih kurang jam 12.45 pagi di jalan Kampung Pak Kerai, Tumpat, Kelantan hasil kerjasama dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Siasatan mendapati pemandu lori yang cuba membawa pindah sebanyak 23 ekor lembu tersebut tidak mempunyai Surat Kebenaran Pindah dan Sijil Kesihatan Veterinar.

Orang Kena Saman (OKS) telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Tumpat pada 29 Jun 2020 atas kesalahan cubaan memindah haiwan ternakan tanpa kebenaran bertulis dan mengaku bersalah. OKS mengaku salah diatas pertuduhan tersebut dan didenda RM5,000.00. Mahkamah juga telah melucutukah 23 ekor lembu kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pelucutan hak sebanyak 23 ekor lembu ini merupakan kes pertama pelucutan hak melibatkan satu jumlah yang besar terhadap ternakan dengan nilai lucutan RM27,497. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Penguatkuasa Veterinar Negeri Kelantan, Mohd Sharif Sabran.

Aktiviti memindahkan haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan mengikut Perintah yang diwartakan di bawah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 [Akta 647] iaitu Perintah Menteri Besar bagi Kawalan penyakit Kuku dan Mulut bagi Negeri Kelantan. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM15,000.00 mengikut Seksyen 36 (7) Akta Binatang 1953.

TETAK LEMBU DENGAN ZALIM: LELAKI DIPENJARA SATU TAHUN



Pada 21 Julai 2020, sepasukan Pegawai Penguatkuasa Veterinar Terengganu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menjalani pemeriksaan seekor lembu yang didakwa telah ditetak dengan kejam pada 21 Julai 2020 lebih kurang jam 6 pagi di Kampung Gerai Muda, Jertih, Besut, Terengganu.

Menerusi pemeriksaan yang dijalankan, lembu berkenaan berada dalam keadaan cedera parah akibat tetakan di belakang badan menggunakan senjata tajam. Lembu tersebut telah diambil milik oleh DVS dan diberikan rawatan yang sewajarnya.

Hasil siasatan mendapati seorang lelaki berumur 36 tahun telah melakukan perbuatan zalim tersebut. Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Besut, Terengganu pada 23 Julai 2020 dan dijatuhan hukuman denda RM30,000.00 atau 12 bulan penjara bagi kesalahan di bawah Subseksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] kerana melakukan tetakan menggunakan parang sehingga mendarangkan kecederaan parah terhadap seekor lembu jantan.

Tertuduh walau bagaimanapun gagal membayar hukuman denda dan telah dihantar ke Penjara Marang, Terengganu untuk menjalani hukuman penjara selama satu tahun.

Kekejaman terhadap haiwan boleh didakwa di bawah Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan yang memperuntukkan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

WABAK HPAI

(H5N1) 2017

Kejadian Kes HPAI telah dikesan pada 28 Februari 2017 di Kg Pulau Tebu, Mukim Tanjung Jajahan Kota Bharu di dalam kelompok 26 ekor ternakan Ayam Kampung. Pengesahan HPAI dibuat melalui kaedah *Real-Time Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)*. Kali terakhir kejadian HPAI pada tahun 2017.

Tindakan kawalan :

- Pemusnahan unggas 1km radius dari lokasi jangkitan.
- Pembasmian kuman selepas selesai aktiviti pemusnahan.
- Mengesan dan menyiasat sampel dengan cepat.
- Melakukan surveyan (6,530 sampel calitan kloaka di 1,191 premis).
- Kempen kesedaran.
- Sekatan jalan raya dengan bantuan PDRM di empat lokasi strategik dan sejumlah 30,334 kenderaan diperiksa dengan kes rampasan 62 kes melibatkan 288 ekor unggas.
- Memberi pampasan kepada penternak terbabit.

Tanda jangkitan pada ayam

- Kadar kematian yang tinggi 50%
- Bengkak muka
- Tiada selera makan
- Balung berwarna merah kebiruan

Sejarah wabak HPAI di Malaysia

- 17/8/2004 – 12 wabak, pelupusan sebanyak 18,537 ekor unggas.
- 19/2/2006 – 5 wabak , pelupusan sebanyak 58,457 ekor unggas dalam masa 124 hari.
- 5/6/2007 – 1 wabak , pelupusan sebanyak 4,266 ekor unggas dalam masa 95 hari.

Jumlah pelupusan

Unggas : **56,953**

Telur : **17,531**

Pampasan : **RM413,004.60**



HAIWAN KESAYANGAN KAD PENGENALAN (PASSPORT HAIWAN)

Pasport haiwan atau lebih dikenali sebagai Kad Pengenalan Haiwan Malaysia merupakan satu dokumen Rasmi Kerajaan Malaysia dan ia hanya dikeluarkan setelah haiwan kesayangan didaftarkan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau Veterinarian Bertauliah (VB) yang telah ditauliahkan sebagai pendaftar.

Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Kesatuan Eropah, Pasport Haiwan menjadi satu kemestian sekiranya merakan ingin membawa masuk atau keluar haiwan kesayangan mereka dari sesebuah negara.

Di Malaysia, Pasport Haiwan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Haiwan 1953 (Semakan 2006) dan pada masa ini hanya memfokuskan pendaftaran haiwan kesayangan seperti kucing, anjing, dan haiwan rekreasi seperti kuda.

Manakala Sistem Pendaftaran Haiwan pula merupakan sistem pengkalan data kebangsaan di bawah Projek *Malaysian Animal Traceability System (MATS)*.



Mengapa Pasport Haiwan penting?

Pasport Haiwan penting kerana ia membolehkan anda mengumpul semua maklumat yang diperlukan mengenai haiwan kesayangan di dalam satu dokumen dan memudahkan untuk pegawai di sempadan atau di pintu masuk sesebuah negara untuk mengesahkan kesihatan dan rekod imunisasi haiwan kesayangan anda.




Di antara tujuan mewujudkan Pasport Haiwan dan Pendaftaran Haiwan adalah:

- 1 Memberi tanda pengenalan haiwan kesayangan.
- 2 Membangunkan sistem pengkalan data haiwan kesayangan kebangsaan.
- 3 Memperbaiki daya jejak haiwan kesayangan.
- 4 Meningkatkan jumlah pemilik haiwan kesayangan yang bertanggungjawab.
- 5 Menjamin kebijakan serta memelihara kesejahteraan haiwan.

Apakah jenis haiwan yang boleh didaftarkan? Semua jenis haiwan kesayangan boleh didaftarkan.

Walaubagaimanpun, buat masa ini jabatan hanya memfokuskan pendaftaran haiwan yang tersenarai di bawah:



Apakah faedah yang diperolehi melalui pendaftaran Pasport Haiwan?

Pemilik haiwan yang mendaftarkan haiwan mereka melalui Pasport Haiwan akan meperolehi faedah seperti berikut:

- 1 Mudah mengesan haiwan kesayangan mereka yang sekiranya hilang.
- 2 Pengesahan pemilik haiwan kesayangan melalui mikrocip yang ditanam di bawah kulit haiwan.
- 3 Maklumat penting kesihatan haiwan kesayangan berada dalam satu buku sahaja.
- 4 Mudah mengawal penyakit sekiranya berlaku wabak.



Tanggungjawab Memiliki Haiwan

Adakah anda memiliki haiwan peliharaan atau haiwan ternakan? Sebagai pemilik haiwan, anda seharusnya melaksanakan tanggungjawab dengan memenuhi segala keperluan yang diperlukan oleh haiwan di bawah jagaan iaitu:

- 1.** Menyediakan persekitaran yang sesuai.
- 2.** Memberikan diet yang sesuai.
- 3.** Membolehkan haiwan untuk mempamerkan corak kelakuan semulajadi.
- 4.** Menempatkan haiwan secara bersama atau berasingan daripada haiwan lain.
- 5.** Melindunginya daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.



Kegagalan anda memenuhi keperluan haiwan yang anda miliki adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), di mana jika disabitkan boleh didenda tidak kurang RM15,000 dan tidak melebihi RM75,000 atau dipenjarakan tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

PENYAKIT Hawar Berdarah

(HAEMORRHAGIC SEPTICAEMIA)



AMARAN PENYAKIT

- Menyebabkan septicemia akut pada lembu dan kerbau
- Cepat menyerang pada musim hujan
- Kematian dalam tempoh 8-24 jam
- Jarang sembah jika terkena jangkitan

PENYAKIT HS TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI PENYAKIT WAJIB LAPOR

TANDA-TANDA KLINIKAL



! Jika masalah pernafasan berlaku, kematian dijangka akan berlaku dalam masa yang singkat

PENCEGAHAN

Sekurang-kurangnya 70% ternakan terutamanya lembu dan kerbau perlu diberi suntikan vaksin HS sebelum bermula musim hujan. Ladang perlu mengamalkan langkah biosecuriti yang baik, menjaga kebersihan ladang dan mengawal kepadatan ternakan.



TANGGUNGJAWAB PENTERNAK

Melaporkan jika mana-mana ternakan menunjukkan simptom penyakit seperti diatas ke Pejabat Veterinar Daerah atau DVS Negeri berdekatan. Ternakan yang menunjukkan tanda klinikal perlu diasingkan daripada yang sihat.



Penyakit Hawar Berdarah (*Haemorrhagic Septicaemia*) atau HS ialah penyakit akut pasteurellosis yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella Multocida Carter's Type B*.

Penyakit ini menyebabkan septicemia akut pada lembu dan kerbau, namun lebih mudah menjangkiti kerbau.



Kicau Veterinar

www.dvs.gov.my

EDISI 10



Diterbitkan di Malaysia oleh :
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Wisma Tani, Blok Podium, Lot4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persukutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia.

Telefon : +603 8870 2000 Email : pro@dvs.gov.my